

13 SEP 1998

Komanwel-Mahathir

DR MAHATHIR LAWAT KOMPLEKS SUKAN NASIONAL

KUALA LUMPUR, 13 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali hari ini meluangkan masa selama kira-kira tiga jam untuk melawat beberapa kawasan di sekitar Kompleks Sukan Nasional, di Bukit Jalil di sini.

Beliau serta rombongannya tiba di Pusat Skuasy Nasional di sini kira-kira pukul 11 pagi untuk meninjau kemudahan sukan yang disediakan di pusat itu sambil beramah-mesra dengan beberapa pemain skuasy negara.

Beliau turut menemui dan mengucapkan tahniah kepada pemenang pingat pertama Malaysia pada Sukan Komanwel ini, Nor Effandy Rosli, yang memenangi pingat perak dalam acara lumba basikal lebuhraya 184 km.

Dr Mahathir kemudian melawat kawasan gerai di sekitar Stadium Nasional sebelum dibawa menjamu selera di Pusat Makanan Antarabangsa di tengah-tengah kesesakan orang ramai yang mengunjugi kompleks itu.

Turut bersama dalam rombongannya adalah Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Pengerusi Sukom Ninety Eight Berhad, Jen (B) Tan Sri Hashim Mohd Ali.

Dr Mahathir kemudian dibawa melawat kemudahan yang disediakan di sekitar Perkampungan Sukan.

Beliau tiba di pekarangan Zon Antarabangsa perkampungan Sukan ada kira-kira pukul 1 petang dengan disambut oleh Datuk Bandar Perkampungan itu, Datuk Dr Ibrahim Saad.

Beliau kemudian makan tengah hari di Dewan Makan Atlit dan beramah mesra dengan para atlit asing di kawasan itu.

Sebelum berangkat pulang, beliau turut mengambil kesempatan untuk melawat kemudahan perubatan dan komunikasi di perkampungan itu.

Beliau dijadual melawat venue sukan Boling Tenpin di Pyramid Bowl dan venue sukan ragbi di Kelana Jaya petang ini.

-- BERNAMA

AZH AKD